



**Langkah Pertama
untuk Melindungi
Masa Depan Anda**

M-Zahra

FIRST TAKAFUL

**Langkah pertama anda untuk mendapatkan perlindungan
menyeluruh dan simpanan dalam satu pelan takaful.**

- Menyeluruh
- Berpatutan
- *Hibah*
- Sedekah/Kebajikan



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

► Adakah anda telah mengambil langkah untuk melindungi diri anda?

Setiap orang, tanpa mengira umur atau jantina, berhak mendapat keselamatan kewangan. Walau bagaimanapun, di sebalik kepentingannya, kadar penembusan takaful pada 2022 kekal rendah pada hanya 20.1%, berdasarkan sijil aktif dalam jumlah penduduk Malaysia. Lebih membimbangkan, sebahagian besar daripada mereka yang tidak mempunyai perlindungan takaful ialah golongan **belia**¹.

Anda mungkin bertanya-tanya mengapa perkara ini berlaku.

Saya tidak mempunyai wang yang cukup.

Saya masih muda dan sihat, mengapa saya perlukan pelan perlindungan?

Saya belum berkahwin dan berdikari. Tiada siapa yang bergantung pada saya pada masa ini.

Ia tidak memberi nilai tambah kepada saya.



► Adakah dengan usia muda menjadikan anda kebal?

Pertimbangkan fakta-fakta ini:



Dari 2019 hingga 2021, **50% daripada kematian kemalangan jalan raya** adalah golongan belia².



Sejak September 2022, terdapat **peningkatan ketara dalam insiden strok** di kalangan orang dewasa, terutamanya dalam kalangan lelaki berumur antara 30 dan 40 tahun³.



Penyakit jantung semakin meningkat di kalangan dewasa, dengan kes serangan jantung berlaku pada individu dalam lingkungan 20-an dan 30-an⁴.

Adakah anda cukup bersedia untuk menghadapi kejadian yang tidak dijangka? Sudah tiba masanya untuk berfikir tentang masa depan anda.

Sumber:

- ¹ <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2023/09/25/takaful-industry-strengthens-foothold>
- ² <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/03/13/youths-record-the-highest-road-accident-fatalities-in-zmalaysia-says-pm-isma/2047201>
- ³ <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/09/831631/increase-stroke-patients-especially-males-aged-30-40>
- ⁴ <https://codeblue.galencentre.org/2022/08/19/age-is-just-a-number-malaysian-millennials-and-gen-z-at-risk-of-heart-disease/>

Terokai Manfaat M-Zahra First Takaful

Memperkenalkan **M-Zahra First Takaful**, disesuaikan untuk memenuhi keperluan perlindungan anda. Ia dirumuskan untuk mudah diakses dan mampu milik dengan perlindungan yang menyeluruh.

Kenapa pilih M-Zahra First Takaful?



Mampu Milik

Pelan ini direka untuk mengurangkan kebimbangan kewangan anda. Bermula dengan hanya RM50 sebulan, **M-Zahra First Takaful** menawarkan perlindungan meluas dan mesra bajet.



Mudah tetapi Menyeluruh

M-Zahra First Takaful menawarkan manfaat yang menyeluruh termasuk perlindungan untuk Kematian, Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK), Penyakit Kritis, dan Manfaat Tunai Hospital, semuanya dilengkapi dengan Manfaat Sedekah dan digabungkan ke dalam satu pelan menyeluruh.



Manfaat Hibah Takaful

Dengan Hibah Takaful, beneficiari yang anda tentukan (di bawah Hibah bersyarat) akan menerima manfaat kematian secara langsung tanpa melalui proses undang-undang yang panjang.



Penyelesaian Patuh Syariah

Pertahankan nilai anda dengan pelan yang sepadan dengan matlamat rohani dan kewangan anda. **M-Zahra First Takaful** memenuhi keperluan anda untuk perlindungan patuh Syariah, membolehkan anda mengambil bahagian dengan yakin dan tenang.



Derma

Tenang hati, tenteram rohani. 5% daripada caruman anda akan didermakan secara berkala kepada Wakaf Muamalat, satu platform pengumpulan dana amal di mana bakal penderma dan projek amal bertemu di satu titik yang dipermudah oleh Bank Muamalat.



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Bagaimana ia berfungsi?

Pertimbangkan senario ini:

Anda seorang lelaki berusia 23 tahun yang baru menamatkan pengajian dari universiti dan melangkah ke laluan kerjaya anda dengan syarikat swasta. Dengan pelan yang menawarkan **perlindungan menyeluruh** dan **derma tetap kepada badan amal**, anda memilih untuk menyertai pelan ini dengan mencarum RM100 setiap bulan.



Caruman anda:
RM100 sebulan selama 20 tahun



5% daripada caruman anda, iaitu RM5 setiap bulan, akan didermakan kepada **Wakaf Muamalat, dikendalikan oleh Bank Muamalat** untuk tujuan kebajikan.

Yuran Wakalah akan ditolak sebelum dimasukkan ke dalam Akaun Dana Peserta.

Sebahagian daripada Akaun Dana Peserta akan diperuntukkan untuk memberikan perlindungan kepada anda di bawah konsep *Tabarru'*.

Apa itu Wakaf Muamalat?



Wakaf Muamalat merupakan kerjasama pengurusan wakaf tunai di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Melalui kerjasama ini, Wakaf Muamalat mengutip wakaf daripada orang ramai seterusnya dana tersebut akan disalurkan kepada projek-projek wakaf di bawah sektor pendidikan, kesihatan, dan pemberkasaan ekonomi.

Ketahui lebih lanjut dengan melayari

[https://www.muamalat.com.my/
wakafmuamalat/index.html](https://www.muamalat.com.my/wakafmuamalat/index.html)

Semasa sijil aktif, anda dilindungi untuk:



Kematian



Kematian Akibat
Kemalangan



Kematian semasa
menunaikan Haji dan Umrah



Manfaat Sedekah



Manfaat KMK



Manfaat Penyakit Kritikal



Manfaat Tunai
Harian Hospital



Manfaat Tempoh Matang



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Adakah simpanan anda mencukupi sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini?

Berdasarkan senario yang sama di atas, andaikan anda memperoleh **RM2,500 sebulan** dan membuat keputusan untuk **memperuntukkan 20% daripada gaji anda untuk simpanan**, berjumlah RM500.

TANPA M-Zahra First Takaful...



Anda memperuntukkan RM500 setiap bulan untuk simpanan

Selepas 6 tahun, jumlah simpanan anda terkumpul sebanyak **RM36,000**.



Bagaimana jika berlaku kejadian yang tidak diduga?

Disahkan menghidap penyakit kritis



Simpanan dihabiskan untuk rawatan

Dimasukkan ke hospital



Tiada perlindungan

Meninggal dunia atau KMK



RM36,000 simpanan untuk keluarga

Waris anda perlu menyelesaikan semua hutang anda.

Baki yang ada perlu diagihkan mengikut undang-undang yang terpakai.

DENGAN M-Zahra First Takaful...



Anda bahagikan simpanan anda

→ RM400 setiap bulan untuk simpanan
→ RM100 setiap bulan untuk perlindungan **M-Zahra First Takaful**, termasuk caruman Sedekah

Selepas 6 tahun, jumlah simpanan anda terkumpul sebanyak **RM28,800**.



Bagaimana jika berlaku kejadian yang tidak diduga?

Disahkan menghidap penyakit kritis



RM75,000 akan dibayar sekaligus untuk rawatan anda

Dimasukkan ke hospital



Manfaat tunai harian hospital sebanyak RM100

Meninggal dunia atau KMK



Sehingga RM450,000* dibayar untuk keluarga anda, tidak termasuk nilai tunai pelan

Waris anda perlu menyelesaikan semua hutang anda.

Baki yang ada perlu diagihkan mengikut undang-undang yang terpakai.

Manfaat takaful akan dibayar terus kepada keluarga anda melalui Hibah Takaful.

Sebarang caruman Sedekah yang tertinggak akan dibayar sekaligus kepada **Wakaf Muamalat, dikendalikan oleh Bank Muamalat**.

*Sekiranya kematian adalah disebabkan oleh kemalangan di luar Malaysia.



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Ringkasan Produk

Q: Apakah yang dimaksudkan dengan perlindungan "meluas"?

A: Secara ringkasnya, fikirkan 5K:

Kematian

Keilatan Menyeluruh
dan KekalKesakitan
(Penyakit Kritis)Kewangan
(Tunai Harian)Kebajikan dan
Simpanan

Kematian & Keilatan

	<p>Perlindungan Terhadap Kematian dan KMK Anda menerima perlindungan sekitarannya berlaku Kematian atau KMK. Sepanjang tempoh perlindungan, Takaful Malaysia akan membayar jumlah sekaligus bersamaan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. jumlah perlindungan asas; dan b. nilai Akaun Peserta (AP), jika ada.
	<p>Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Dalam dan Luar Malaysia Takaful Malaysia akan melindungi anda jika punca kematian adalah disebabkan kemalangan. Tambahan 100% daripada jumlah perlindungan asas akan dibayar, sebagai tambahan kepada manfaat kematian, jika kemalangan berlaku di dalam Malaysia, manakala tambahan 200% daripada jumlah perlindungan asas jika kemalangan berlaku di luar Malaysia.</p>
	<p>Perlindungan Haji dan Umrah Tunaikan Haji atau Umrah anda dengan tenang kerana Takaful Malaysia melindungi anda. Sekiranya kematian berlaku semasa mengerjakan Haji atau Umrah atas sebarang sebab, tambahan 200% daripada jumlah perlindungan asas, sebagai tambahan kepada manfaat kematian, akan dibayar.</p>

Kesakitan (Penyakit Kritis)

	<p>Perlindungan daripada Penyakit Kritis Jalani hidup anda dengan tenang kerana anda sentiasa dilindungi daripada 47 penyakit kritis. Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 47 penyakit kritis selama dalam tempoh perlindungan, 50% daripada jumlah perlindungan asas akan dibayar. Jumlah perlindungan asas akan diselaraskan secara berkadar dengan jumlah yang dibayar.</p>
--	---



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Kewangan (Tunai Harian)



Manfaat Tunai Harian Hospital

Takaful Malaysia menyediakan bantuan kewangan semasa anda dimasukkan ke hospital. Sekiranya anda dimasukkan ke hospital kerana sakit atau kecederaan akibat kemalangan, Takaful Malaysia akan membayar:

- Manfaat Penghospitalan** dimana manfaat tunai harian tetap bersamaan dengan caruman bulanan akan dibayar.
- Manfaat Unit Rawatan Rapi (ICU)** dimana manfaat tunai harian berganda bersamaan dengan 200% daripada caruman bulanan dibayar.

Kebajikan



Wakaf Muamalat

Setelah menerima caruman anda, 5% akan ditolak dan **didermakan kepada Wakaf Muamalat, dikendalikan oleh Bank Muamalat.**

Selain itu, selepas anda meninggal dunia, Takaful Malaysia akan membayar baki sedekah yang belum dibayar untuk baki tempoh sijil dalam sekalius kepada **Wakaf Muamalat, yang diuruskan oleh Bank Muamalat.**

"Rasullullah SAW bersabda yang bermaksud: "Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya." (Hadis Riwayat Muslim)"

Simpanan



Tempoh Matang

Jika tiada apa-apa berlaku sehingga tamat tempoh perlindungan, **Takaful Malaysia akan membayar nilai tunai** jika ada daripada AP.

S: Apakah M-Zahra First Takaful?

J: Pelan ini merupakan pelan takaful caruman berkala yang menyediakan perlindungan Kematian, Kematian semasa mengerjakan Haji/Umrah, Kematian Akibat Kemalangan di dalam dan di luar Malaysia, KMK, Penyakit Kritis, dan Manfaat Tunai Harian Hospital.

Pada masa yang sama, 5% daripada caruman berkala yang dibayar akan didermakan sebagai Sedekah. Sekiranya berlaku kematian, baki Sedekah yang belum dibayar dalam baki tempoh perlindungan akan didermakan dalam sekaligus kepada Wakaf Muamalat, dikendalikan oleh Bank Muamalat.

Pelan ini sesuai untuk anda **jika anda mencari perlindungan yang mudah dan meluas dalam satu pelan sebagai penyelesaian takaful pertama anda.**

S: Adakah saya layak untuk mendaftar?

J: Anda mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun hari jadi berikutnya untuk memohon pelan ini. Pelan ini menyediakan perlindungan kepada individu yang berumur antara 18 (mencapai umur) dan 50 tahun hari jadi berikutnya.

S: Bolehkah saya mendaftar untuk orang lain?

J: Ya, anda boleh mendaftar untuk pasangan anda.

S: Apakah jumlah perlindungan asas yang boleh saya dapat?

J: Jumlah perlindungan asas berbeza-beza bergantung pada umur kemasukan.

Sila rujuk jadual di bawah:

Umur Kemasukan (ANB)	Caruman RM50/sebulan	Caruman RM75/sebulan	Caruman RM100/sebulan
18-30	RM50,000	RM100,000	RM150,000
31-40	RM30,000	RM60,000	RM90,000
41-50	RM10,000	RM20,000	RM30,000

ANB – Hari Lahir akan Datang



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Tentang Caruman

S: Berapa yang perlu saya bayar? Mampukah saya?

J: Produk kami mengambil kira kemampuan anda. Anda boleh memilih untuk membayar caruman bulanan sama ada RM50, RM75 atau RM100 sebulan atau anda boleh memilih kekerapan lain iaitu suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan. Anda boleh menguruskan dan menggunakan pendapatan anda dengan lebih bermakna!

S: Berapa lama saya perlu membayar caruman?

J: Anda perlu membayar caruman selama 20 tahun.

S: Bagaimakah cara untuk saya membayar caruman?

J: Anda boleh membayar caruman anda melalui kad kredit/debit atau akaun semasa/simpanan secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan.

S: Adakah terdapat sebarang caj & yuran tambahan yang perlu saya bayar?

J: Ya, caj & yuran adalah seperti di bawah:

Caj & Yuran	Penerangan			
Yuran Wakalah	Tahun Sijil	1 hingga 4	5 hingga 10	11 dan ke atas
	Yuran Wakalah (%)	50.00%	30.00%	-
	<p>Wakalah merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia telah diberi kuasa untuk menguruskan pelan ini dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima bayaran untuk perkhidmatan tersebut.</p>			
Caj Perkhidmatan	RM3 sebulan.			
Caj Serahan	Tiada caj.			



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Maklumat Lain

S: Apakah pengecualian yang perlu saya ketahui?

J: Pelan ini tidak melindungi mana-mana situasi berikut:

Kematian yang disebabkan oleh bunuh diri sama ada waras atau tidak waras dalam tahun pertama dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil, yang mana terkemudian.

KMK

- i. yang wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil, yang mana terkemudian;
- ii. yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, akibat, timbul berkaitan dengan, atau diakibatkan oleh mana-mana keadaan sedia ada dimana:
 - orang yang dilindungi mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang keadaan sedia ada dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari sebelum; atau
 - KMK berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula sijil, yang mana terkemudian;
- iii. yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana sebab berikut:
 - cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
 - penerbangan, *gliding* atau apa-apa bentuk penerbangan udara lain selain daripada sebagai juruterbang, kru kabin atau penumpang tambang berbayar syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
 - peperangan (sama ada peperangan yang diisyiharkan atau tidak) dan penyertaan secara langsung dalam aktiviti jenayah, mogok tanpa kebenaran, rusuhan atau pemberontakan tetapi bukan untuk tugas dan latihan rutin ketenteraan;
 - semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan mengubah fungsi minda; atau
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), jangkitan oleh *Human Immunodeficiency Virus (HIV)* atau keadaan yang berkaitan.

Untuk maklumat terperinci, sila rujuk pada sijil untuk mendapatkan butiran menyeluruh mengenai perlindungan dan pengecualian pelan ini.

S: Bagaimakah cara untuk membuat tuntutan?

J: Sila rujuk kepada Panduan Tuntutan di <https://www.takaful-malaysia.com.my/panduan-tuntutan/> untuk proses tuntutan langkah demi langkah dan dokumen yang diperlukan.

S: Adakah saya layak mendapat pelepasan cukai apabila saya menyertai pelan ini?

J: Ya, anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah kategori takaful keluarga (nyawa), tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

S: Jika saya tidak membuat sebarang tuntutan, apakah yang saya akan dapat daripada pelan ini?

J: Jika tiada tuntutan di pihak anda, anda akan menerima nilai tunai daripada AP, jika ada, semasa tempoh matang.

S: Berapa banyak pelan yang boleh saya sertai?

J: Anda hanya boleh mempunyai maksimum dua sijil.

S: Bagaimakah cara untuk saya menyertai pelan ini?

J: Kunjungi cawangan Bank Muamalat berdekatan dengan anda.



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.

Nota Penting

1. Takaful adalah skim bantuan bersama berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan 'Tabarru' (derma) ke dalam dana kumpulan, yang dinamakan Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko"), yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain. 'Tabarru' merujuk kepada derma untuk tujuan amal. Di bawah pelan ini, peserta menderma sebahagian daripada caruman mereka untuk membantu peserta lain. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") akan melabur dan menguruskan dana ini bagi pihak peserta dengan strategi pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah amaun yang berpatutan mengikut kemampuan anda.
3. Amaun prinsipal yang diletakkan di bawah AP dan keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada AP adalah tidak dijamin dan adalah berdasarkan prestasi sebenar dana.
4. Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah caruman yang anda bayar.
5. Anda dinasihatkan untuk membuat bayaran caruman secara berkala untuk menikmati perlindungan berterusan. Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan akan diberikan apabila baki anda dalam AP telah habis.
6. Anda mungkin menerima baki dalam AP (jika ada) selepas penyerahan atau tempoh matang, yang mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah anda bayar.
7. Sebarang perubahan yuran dan caj atau caruman atau 'Tabarru' akan dibuat pada ulang tahun sijil, dan Takaful Malaysia akan memaklumkan kepada anda dengan memberi notis awal tiga puluh (30) hari.
8. Terdapat tempoh pemeriksaan percuma selama lima belas (15) hari kalender dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda menyemak dan memutuskan sama ada anda ingin meneruskan pelan tersebut. Jika anda ingin berhenti, anda boleh membatalkan sijil dan mendapat bayaran balik penuh caruman anda yang telah dibayar.
9. Takaful Malaysia berhak untuk menukar rakan kongsi amal kami dengan memberi anda notis tiga puluh (30) hari.
10. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan tidak menyeluruh. Takaful Malaysia dengan ini menafikan sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sekiranya anda mengalami kerugian hanya dengan bergantung kepada maklumat yang terkandung di sini.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukan kontrak untuk produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada ilustrasi pemasaran, sijil dan helaian penerangan produk untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri penting dan faedah pelan untuk pemahaman sebelum memohon pelan ini.

M-Zahra First Takaful adalah pelan yang patuh Syariah.

Pelan takaful ini diedarkan oleh: **Bank Muamalat Malaysia Berhad**
196501000376 (6175-W)
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.

Untuk memohon, sila hubungi 03-2600 5500, kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat atau layari www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut serta terma dan syarat.



Diuruskan oleh:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad

198401019089 (131646-K)

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
www.takaful-malaysia.com.my

Tentang Takaful Malaysia

Syarikat Takaful Malaysia Berhad ("STMB") telah ditubuhkan pada 29 November 1984. Selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA"), lesen komposit STMB telah diasingkan kepada dua (2) entiti berlesen pada 1 Jun 2018. STMB, kini dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia" atau "Takaful Malaysia Keluarga") menguruskan perniagaan Takaful Keluarga manakala Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad ("Takaful Malaysia Am") menguruskan perniagaan Takaful Am. Takaful Malaysia Keluarga ialah syarikat induk dan memiliki 100% Takaful Malaysia Am. Takaful Malaysia Keluarga dan Takaful Malaysia Am beroperasi melalui gabungan rangkaian cawangan di 24 lokasi di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, terma dan syarat mengenai pelan ini, sila rujuk sijil Takaful anda.

TAKAFUL MALAYSIA ADALAH AHLI PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM). PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) UNTUK MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY/MY).

Diterbitkan pada: Jun 2024



Tertakluk pada terma dan syarat. Layari laman web Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk maklumat lanjut.